

E-BOOK OF EXTENDED ABSTRACT

THE 14TH INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & DESIGN COMPETITION 2025



14TH **INDES** 2025

ENVIRONMENTAL • SOCIAL • GOVERNANCE



E-BOOK OF EXTENDED ABSTRACT

THE 14th INTERNATIONAL
INVENTION, INNOVATION &
DESIGN COMPETITION 2025

Organized by:

Office of Research, Industry,
Community & Alumni Network
UiTM Perak Branch

© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2025

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No e- ISBN: 978-967-2776-52-9

Cover Design: Dr. Mohd Khairulnizam Ramlie

Typesetting : Georgia

EDITORIAL BOARD

Editor-in-Chief

MUHD SYAHIR ABDUL RANI

Managing Editors

NUR FATIMA WAHIDA MOHD NASIR

SYAZA KAMARUDIN

NORASYIKIN ABDUL MALIK

Copy Editors

SHEEMA LIZA IDRIS

AZURAWATI ZAIDI

HALIMATUN SAADIAH ABD MUTALIB

HALIMATUSSAADIAH IKSAN

IZA FARADIBA MOHD PATEL

MOHAMAD SAFWAT ASHAHRI MOHD SALIM

MUHAMMAD WAJIHUDDIN JOHARI

NAZIRUL MUBIN MOHD NOOR

NORAZIAH AZIZAN

NOOR AILEEN IBRAHIM

NOOR FAZZRIENEE JZ NUN RAMLAN

NOORLINDA ALANG

NURAMIRA ANUAR

NURDIYANA MOHAMAD YUSOF

NURSHAHIRAH AZMAN

NURUL FARHANI CHE GHANI

NURUL MUNIRAH AZAMRI

ONG ELLY

PAUL GNANASELVAM

SITI SYAIRAH FAKHRUDDIN

WAN FARIDATUL AKMA WAN MOHD RASHDI

WAN NURUL FATIHAH WAN ISMAIL

ZARLINA MOHD ZAMARI

AMIRUL FARHAN AHMAD TARMIZI

IMRAN TORIQ

MART: MODEL AKHLAK REMAJA BERTERASKAN TAHFIZ

Norazmi Anas¹, Mohamad Ghazi Faris Abdul Mutalib², Shahril Nizam Zulkipli¹, Mohd Erfino Johari³, Mohd Syukri Mohd Noor¹ & Anasztasia Natasha Muhamad Ramlan⁴

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

³Pusat Islam, Umum dan Pengajian Bahasa, Universiti Poly-Tech Malaysia, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur, Malaysia

⁴Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

norazmianas@uitm.edu.my;

ghazifaris93@gmail.com;

shah4107@uitm.edu.my;

erfino@uptm.edu.my;

anasztasia@uitm.edu.my

ABSTRAK

Gejala keruntuhan akhlak remaja Muslim pada hari ini semakin meningkat dan membimbangkan seterusnya menjadi ancaman besar terhadap kemenjadian generasi pelapis negara pada masa depan. Ia berpunca dari kurangnya didikan agama, latar belakang keluarga yang bermasalah, nilai pendidikan yang rendah, teknologi yang berleluasa dan pengaruh rakan yang memberi kesan terhadap individu, keluarga dan masyarakat. Oleh itu, pendekatan tahfiz dicadangkan sebagai salah satu solusi terhadap masalah keruntuhan akhlak remaja Muslim melalui pembentukan model konseptual yang dikenali sebagai MART- Model Akhlak Remaja berteraskan Tahfiz. MART telah berjaya dibangunkan hasil triangulasi data kajian iaitu sorotan literatur, data temu bual wakil tahfiz dan data temu bual pakar bidang Universiti Awam (UA) terpilih di Malaysia serta gabungan dua tema utama kajian iaitu (i) Pendekatan Tahfiz dan (ii) Penerapan Pendekatan Tahfiz terhadap Akhlak Remaja Muslim. Terdapat tujuh (7) pendekatan tahfiz sedia ada dalam menangani keruntuhan akhlak remaja Muslim iaitu (i) Pendekatan agama dan keilmuan (ii) Pendekatan pendidikan, tarbiah dan adab, (iii) Pendekatan sokongan sosial (iv) Pendekatan pembentukan personaliti (v) Pendekatan disiplin, (vi) Pendekatan kepimpinan dan (vii) Pendekatan psikiatri. Selain itu, pendekatan tahfiz dibahagikan pula kepada empat (4) aspek utama iaitu kepentingan, program, kesesuaian dan keberkesannya terhadap akhlak remaja Muslim. Seterusnya penerapan pendekatan tahfiz menjurus kepada dua (2) aspek utama iaitu hubungan psikologi-pendekatan tahfiz-akhlak remaja Muslim dan perubahan akhlak remaja Muslim melalui pendekatan tahfiz. Kesimpulannya, pendekatan tahfiz yang ditonjolkan membuktikan bahawa pendekatan berasaskan sumber al-Quran sangat sesuai digunakan dalam pemulihan dan pembentukan akhlak remaja Muslim sesuai dengan fitrah mereka seperti yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran.

Kata kunci: Model, akhlak remaja, Muslim, tahfiz, Malaysia

1. PENGENALAN

Akhlak remaja Muslim boleh dibentuk melalui kaedah latihan dan pendidikan yang digunakan dalam kurikulum institusi tahfiz Malaysia (Anas et al., 2022). Walaupun begitu, institusi tahfiz bukanlah menjadi pilihan terakhir kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka yang tidak boleh dikawal, bermasalah dan buruk akhlaknya. Matlamat penubuhan institusi tahfiz sama ada kerajaan atau swasta untuk melahirkan generasi al-Quran yang berakhlak mulia bukan sahaja cemerlang dalam hafazan al-Quran dan akademik, malahan sahsiah serta keperibadian yang selari dengan imej dan kemuliaan al-Quran itu sendiri. Andresta et al. (2021) menyatakan motivasi *huffaz* merangkumi sudut

tingkahlaku, sosial, kemanusiaan dan psikologi Islam yang terbentuk dalam keberadaan persekitaran al-Quran dan beristiqamah dalam melaksanakan perintah Allah SWT melalui ketaatan dan keilmuan. Pendidikan tahfiz diyakini mampu melahirkan generasi al-Quran bersahsiah cemerlang dan berkeperibadian tinggi (Nawi et al., 2021) melalui peraturan ketat dan keberkesanan wahyu yang tertanam kukuh dalam diri remaja seterusnya mampu melahirkan generasi cemerlang (Abd Mutalib & Anas, 2020). Oleh yang demikian, usaha untuk meningkatkan potensi diri dan memulihkan akhlak mereka perlulah ditangani dengan segera bersesuaian dengan kaedah yang digunakan di maahad tahfiz yang bertujuan mengelakkan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim.

2. METODOLOGI

Rekabentuk kajian kualitatif berpendekatan kajian kes. Kajian bermula dengan sorotan literatur, diikuti temu bual dua (2) wakil persatuan tahfiz dari Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA) dan Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Kebangsaan (PINTA) diikuti temu bual terhadap empat (4) orang pakar bidang dari Universiti Awam (UA) Malaysia dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kesemua informan kajian telah dipilih menggunakan persampelan purposif, manakala data-data temu bual telah dianalisis menggunakan analisis tematik berbantuan perisian ATLAS ti9.

3. DAPATAN

3.1 Tema 1: Pendekatan Tahfiz

Tema pertama kajian dibahagikan kepada dua (2) perspektif utama iaitu Sorotan Literatur dan Persepsi Persatuan Tahfiz yang dibahaskan dengan empat (4) subtema utama iaitu kepentingan pendekatan tahfiz, program pendekatan tahfiz, kesesuaian pendekatan tahfiz dan keberkesanan pendekatan tahfiz. Secara umumnya, dirumuskan bahawa terhadap 7 (tujuh) pendekatan tahfiz dalam menangani keruntuhan akhlak remaja Muslim iaitu (i) Pendekatan agama dan keilmuan (ii) Pendekatan pendidikan, tarbiah dan adab, (iii) Pendekatan sokongan sosial (iv) Pendekatan pembentukan personaliti (v) Pendekatan disiplin, (vi) Pendekatan kepimpinan dan (vii) Pendekatan psikiatri.


3.2 Tema 2: Penerapan Pendekatan Tahfiz terhadap Akhlak Remaja Muslim

Tema kedua kajian pula dibahagikan kepada dua (2) skop perbincangan iaitu hubungan psikologi, pendidikan tahfiz dan akhlak remaja Muslim dan perubahan akhlak remaja Muslim melalui pendekatan tahfiz. Dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara psikologi, pendekatan tahfiz dan akhlak remaja Muslim. Psikologi remaja Muslim perlu difahami agar kita tidak cepat menghukum terhadap tingkah laku mereka, diikuti ilmu psikologi itu sendiri yang bersifat kejiwaan yang perlu kepada pendidikan atau *tarbiah*. Psikologi remaja menekankan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual atau dikenali sebagai JERI yang seimbang bagi melahirkan generasi kepimpinan negara yang matang dan berkualiti. Permasalahan akhlak remaja Muslim yang berlaku pada hari ini disebabkan pengabaian nilai serta kehidupan mereka sendiri yang terpisah dengan adab dan akhlak Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, peranan ibu bapa sangat penting dalam pembentukan akhlak remaja dengan penekanan terhadap kemahiran keibubapaan, diikuti pendidikan akhlak yang baik, seterusnya memahami hati nurani mereka. Seterusnya, berkenaan perubahan akhlak remaja Muslim melalui pendekatan tahfiz, telah dirumuskan bahawa terdapat perubahan yang signifikan terhadap akhlak remaja melalui pendekatan tahfiz dari sudut pemikiran, tingkah laku dan pencapaian sama ada akademik mahu pun bukan akademik. Pendekatan tahfiz dengan disiplin yang ketat dan terkawal melahirkan remaja yang cerdas otaknya, kreatif dan inovatif, manakala aspek tingkah laku menjadikan remaja berkelakuan baik, mudah dibentuk, beradab, berbudi bahasa tinggi, rajin, berkeyakinan tinggi dan cakna terhadap isu-isu semasa. Selain itu, bagi pencapaian aspek

akademik mahu pun bukan akademik, remaja yang dididik dalam persekitaran al-Quran dan *biah* solehah mempunyai prestasi cemerlang dalam akademik serta aktif dalam pelbagai bidang seperti kokurikulum dan kemasyarakatan di samping mempunyai bakat kepimpinan yang tinggi. Maka, perubahan-perubahan akhlak yang dinyatakan di atas memberikan justifikasi yang kuat bahawa pendekatan tahfiz merupakan salah satu solusi dalam menangani masalah keruntuhan akhlak remaja Muslim masa kini.

3.3 Pembangunan MART

Model kajian berbentuk konseptual yang telah terbina hasil gabungan Tema 1: Pendekatan Tahfiz, dan Tema 2: Penerapan Pendekatan Tahfiz terhadap Akhlak Remaja Muslim. Terdapat tujuh (7) pendekatan tahfiz sedia ada dalam menangani keruntuhan akhlak remaja Muslim iaitu (i) Pendekatan agama dan keilmuan (ii) Pendekatan pendidikan, tarbiah dan adab, (iii) Pendekatan sokongan sosial (iv) Pendekatan pembentukan personaliti (v) Pendekatan disiplin, (vi) Pendekatan kepimpinan dan (vii) Pendekatan psikiatri. Selain itu, pendekatan tahfiz dibahagikan pula kepada empat (4) aspek utama iaitu kepentingan, program, kesesuaian dan keberkesannya terhadap akhlak remaja Muslim. Seterusnya penerapan pendekatan tahfiz menjurus kepada dua (2) aspek utama iaitu hubungan psikologi-pendekatan tahfiz-akhlak remaja Muslim dan perubahan akhlak remaja Muslim melalui pendekatan tahfiz. Maka, terhasilkan model yang dikenali sebagai Model Akhlak Remaja berteraskan Tahfiz (MART) seperti Rajah 1.



Rajah 1 MART- Model Akhlak Remaja berteraskan Tahfiz

4. KESIMPULAN

Oleh yang demikian, MART diharap dapat membantu pihak berkepentingan remaja di negara kita dengan mengetengahkan pendekatan tahfiz sebagai salah satu solusi penyelesaian dalam usaha menangani isu keruntuhan akhlak remaja Muslim. Selain itu, pendekatan tahfiz yang ditonjolkan membuktikan bahawa pendekatan berasaskan sumber al-Quran sangat sesuai digunakan dalam pemulihan dan pembentukan akhlak remaja Muslim sesuai dengan fitrah mereka seperti yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran. Ia juga memberi imej yang baik terhadap institusi tahfiz yang sering terpalit dengan isu keruntuhan akhlak penuntutnya seterusnya memberikan penegasan bahawa institusi tahfiz bukanlah tempat buangan remaja atau anak-anak yang mengalami masalah akhlak oleh ibu bapa. Justeru, pemulihan dan pembentukan akhlak remaja Muslim dipertanggungjawabkan ke atas semua pihak termasuk ibu bapa, guru, rakan sebaya, masyarakat setempat, kerajaan dan institusi pendidikan bagi melahirkan generasi pelapis negara yang berakhlak mulia bagi mencapai hasrat kerajaan mewujudkan masyarakat madani yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling hormat, berkeyakinan dan bersifat ihsan.

RUJUKAN

- Abd Mutalib, M. G. F., & Anas, N. (2020). Pemulihan akhlak remaja melalui pendekatan tahfiz di Malaysia: Tinjauan Awal. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 134.
- Anas, N., Ramlan, A. N. M., & Mutalib, M. G. F. A. (2022). Tahfiz-based Model on Akhlaq of Adolescents (TMAA): Views from Selected Tahfiz Associations in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(3), 758-765.
- Andresta, Y., Ifnaldi, I., & Fakhruddin, F. (2021). *Motivasi Siswa dalam Menghafal Al-Qur'an di SMP IT Rabbi Radhiyyah* (Doctoral dissertation, IAIN Curup).
- Nawi, M. Z. M., Omar, M. R., & Nor, M. A. M. (2021). Sistem pendidikan tahfiz di Malaysia, pilihan ibu bapa dan warisan pendidikan Islam Andalus: Satu sorotan. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 132-147.

E-Book of Extended Abstract THE 14th INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION &
DESIGN COMPETITION 2025

e ISBN 978-967-2776-52-9



Unit Penerbitan UiTM Perak

(online)